

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Masjid Pagoh dalam Kawasan Parlimen Pagoh selepas suntikan tambahan sebanyak RM3 juta yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada tahun lepas.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, projek Masjid Pagoh masih dalam peringkat pembinaan. Kemajuan fizikal projek ketika ini adalah sebanyak 96.97 peratus dan projek ini dijangka siap pada bulan September 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meminda Akta Pembangunan Petroleum agar Petronas bertanggungjawab sepenuhnya kepada Parlimen dan untuk mengekang kuasa Perdana Menteri yang berlebihan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin atas prinsip tadbir urus yang baik bagi sesuatu agensi Kerajaan, Badan Berkanun atau Syarikat Berkepentingan Kerajaan berpandukan sistem perundangan yang sedia ada.

2. Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS merupakan satu entiti yang dikemudi oleh barisan kepimpinan eksekutif kanan yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS yang diketuai oleh Pengerusi PETRONAS, dilantik dari kalangan pegawai kanan kerajaan serta tokoh korporat yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang luas. Komitmen serta peranan ahli lembaga pengarah adalah untuk memimpin, mengawasi dan memastikan urustadbir PETRONAS sentiasa telus dan berada pada tahap integriti yang tertinggi. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS juga bertanggungjawab memastikan setiap keputusan yang diambil di peringkat tertinggi adalah selari dengan arah tuju dan keperluan korporat, serta pengendalian perniagaan dan operasi PETRONAS adalah mapan dan mematuhi perundangan sedia ada.

3. Kerajaan Persekutuan sentiasa terbuka untuk meneliti perundangan dan dasar mengikut situasi dan cabaran semasa. Walau bagaimanapun pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974).

Sekian, terima kasih.